



BERITA

[Berita Utama](#)
[Dalam Negeri](#)
[Wilayah](#)
[Laporan Khas](#)
[Parlimen](#)
[Politik](#)
[Luar Negara](#)
[Sukan](#)
[Bisnes](#)
 » [Ekonomi](#)
 » [Korporat](#)
 » [Saham](#)

[Mahkamah](#)
[Jenayah](#)

ARTIKEL

[Rencana](#)
[Cuit](#)
[Selak](#)
[Awang Selamat](#)
[Kolumnis](#)
[Forum](#)
[Blog](#)

GAYA HIDUP

[Agama](#)
[Keluarga](#)
[Hiburan](#)
[Rancangan TV](#)
[Feminin](#)
[Pendidikan](#)
[Sains & Teknologi](#)
[Agrobiz](#)
[Kesihatan](#)
[Rekreasi](#)
[Polis & Tentera](#)
[Sastera](#)

CAPAIAN LAIN

[ezTrade Beta](#)
[Utusan Online TV](#)
[Portal Pendidikan](#)
[Kosmo! Online](#)
[Mangga Online](#)
[Saji Online](#)
[Mangga TV](#)
[MyBooks](#)
[Kareer](#)
[Utusan Karya](#)

E-PAPER



KOMUNITI

[Waktu Solat](#)
[Laporan Cuaca](#)
[Geng Online](#)

LAMAN KHAS

[Liga M 2009](#)
[PRK 2009](#)
[UMNO 2008](#)
[Pilihan Raya AS](#)
[Beijing 2008](#)
[Merdeka 2008](#)
[Euro 2008](#)

EKONOMI

ARKIB : 14/08/2009

Tiga tahun lagi kuasai kedudukan terbaik

KUALA LUMPUR 13 Ogos - Malaysia dijangka menguasai kembali kedudukan yang terbaik dalam persaingan ekonomi di rantau ini dalam tempoh tiga tahun lagi berikutan pengumuman liberalisasi kerajaan.

Bagaimanapun, dalam mengekalkan ekonomi negara ke arah itu, liberalisasi perlu dibuat secara serius dan fokus, kata Pengarah Urusan Capital Dynamics Asset Management Sdn. Bhd., Tan Teng Boo.

Teng Boo mengambil contoh ekonomi Indonesia yang pernah jatuh akibat krisis ekonomi 1997/98, tetapi liberalisasi ekonomi yang dilakukan menjadikannya prestasi dan kedudukan negara itu semakin baik.

Malah, katanya, kesan liberalisasi awal yang dilakukan oleh negara jiran itu menyebabkan Indonesia berjaya menyerap krisis ekonomi global termasuk mempertahankan pertumbuhan ekonominya pada kadar empat peratus pada suku kedua tahun ini.

"Malaysia perlu melihat perubahan (liberalisasi) yang dilakukan sebagai satu perspektif jangka panjang.

"Pelaksanaannya perlu serius dan lebih fokus terhadap perubahan yang dilakukan. Jika ini dilakukan Malaysia akan mendapat faedah besar dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya pada taklimat media di sini hari ini.

Teng Boo yang yakin bahawa ekonomi negara akan kembali pulih pada separuh kedua tahun ini dan stabil pada suku pertama tahun 2010.

Bagaimanapun, kata Teng Boo, kepincangan politik negara yang menjadi semakin ketara dikhuatiri akan menjejaskan proses pemulihan ekonomi.

"Isu-isu politik sepatutnya diselesaikan secara baik kerana Malaysia perlu mengekalkan kesejahteraan hidup yang dinikmati sejak sekian lamanya," jelas beliau.

Pada taklimat itu, beliau berkata, kelebihan Malaysia kerana memiliki rakyat pelbagai kaum boleh dijadikan sandaran untuk terus menerokai peluang-peluang China dan India yang kini menjadi kuasa baru ekonomi dunia.

Malah, sebagai sebuah negara Islam, Malaysia juga mempunyai yang sama untuk berkongsi ekonomi dengan negara-negara Islam yang kaya.

"Dalam keadaan sekarang (selepas ekonomi Barat terjejas) Malaysia memang berada dalam kedudukan terbaik untuk mendapat manfaat daripada ledakan ekonomi di China dan India serta kekayaan di negara-negara Arab," katanya.

TAJUK-TAJUK BERITA LAIN:

- Ekonomi kembali positif suku keempat 2009 - Zeti
- Ekonomi pulih lebih pantas jika dolar turun nilai - MIER
- Jualan berterusan dagangan Bursa rendah
- Bursa Malaysia lancar Bursa Suq Al-Sila'
- MDeC sedia RM75j animasi, permainan

IKLAN@UTUSAN



IKLAN@UTUSAN



IKLAN@UTUSAN



IKLAN Teks

- "90% PUNCA REZEKI ADALAH BERNIAGA"
- Langsingkan Sehingga 10KG dalam 30 hari
- <<< Klik Disini Untuk RAHSIA LANGSING >>>
- Klik>> Percuma Petua Langsing, Sihat & Cantik di BadanLangsing.com



